BULETIN

FAKULTI PERAKAUNAN
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

EDISI II 2026



HUBUNGI KAMI :

fpnuitmn9s3

https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3

Garam: 'Emas Putih' yang Membentuk Ekonomi Dunia

Norhidayah Ismail[1] dan Norhisham Ismail[2]
[1] Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban
[2]Universiti Teknologi MARA Shah Alam




Pada zaman moden, penggunaan garam sebagai mata wang kelihatan pelik, namun dalam sejarah, garam pernah dianggap sangat bernilai sehingga digunakan sebagai alat tukaran, bayaran upah, malah setaraf dengan emas di sesetengah tempat. Artikel ini mengupas bagaimana garam berperanan sebagai mata wang dalam tamadun purba dan kesannya terhadap ekonomi. Garam bukan hanya penting untuk menambah rasa, tetapi juga sebagai bahan pengawet makanan, perubatan dan upacara keagamaan. Di sesetengah kawasan, garam sukar didapati seperti kawasan yang kering. Oleh kerana itu, ia menjadi komoditi yang sangat berharga dan digunakan sebagai bentuk pertukaran barangan (Parsons, 1994).

Garam diperoleh melalui kaedah pengewapan atau penyejatan air laut di bawah cahaya matahari, air telaga masin yang dididihkan dan pemecahan bongkah batu garam bukit. Kaedah moden yang digunakan pada masa kini pula adalah dengan menggunakan mesin dan teknologi seperti penyejatan vakum yang moden. Garam moden yang dihasilkan oleh industri juga kebiasaannya telah ditulenkan dan ditambah iodin bagi tujuan kesihatan. Salah satu bukti keunggulan sistem infrastruktur Rom ialah pembinaan Via Salaria (Jalan Garam), iaitu antara jalan raya tertua yang menghubungkan Rom dengan Laut Adriatik. Jalan ini dinamakan sedemikian kerana fungsi utamanya untuk mengangkut garam, komoditi yang sangat berharga pada zaman purba.



Rajah 1: Laluan Via Salaria (Jalan Garam) di Rom Purba

Kepentingan garam dalam ekonomi mereka sangat mendalam sehinggakan askar Rom kadangkala dibayar dengan elaun khas untuk membeli garam yang dikenali sebagai "salarium". Istilah Latin yang berakar daripada perkataan sal (garam) inilah yang menjadi asal-usul kepada perkataan moden "salary" atau gaji yang kita gunakan pada hari ini. Hal ini mencerminkan bagaimana pengurusan sumber dan rangkaian jalan raya yang cekap telah membentuk asas sistem ekonomi dunia (Kurlansky, 2002; Stefano Rome Tours, 2024). Di Afrika Barat, khususnya sekitar Timbuktu dan wilayah Mali, garam diperdagangkan bersama emas. Kafilah unta membawa bongkah garam merentasi Gurun Sahara.




Rajah 2: Peta Laluan Perdagangan Garam Trans-Sahara

Kerajaan China purba mengawal ketat industri garam dan mengenakan cukai terhadap penggunaannya, menjadikannya sumber pendapatan negara. Di Ethiopia, blok garam dipanggil amole digunakan sebagai mata wang fizikal dalam kehidupan seharian (Headrick, 2009).



Rajah 3: Mata Wang Garam (Amole) dari Ethiopia

Disebabkan nilainya, bongkah garam digunakan sebagai bentuk mata wang dan bayaran cukai (McKillop, 2021). Oleh itu, garam dianggap logik dan praktikal sebagai alat pertukaran sebelum kewujudan mata wang moden. Garam mempunyai ciri-ciri yang membolehkan ia dijadikan wang:



Rajah 4: Ciri Garam sebagai Mata Wang

Garam tidak lagi digunakan sebagai mata wang pada hari ini kerana wang kertas dan digital menggantikannya. Namun, peranannya dalam membentuk ekonomi dan budaya tidak boleh dinafikan. Bahkan, perkataan seperti *salary* masih menjadi bukti legasi garam dalam sejarah manusia. Kisah bagaimana garam digunakan sebagai mata wang membuktikan bahawa sesuatu barang itu boleh menjadi sangat bernilai apabila ia diperlukan, sukar diperoleh, dan diterima ramai. Dari tentera Rom ke pedagang Afrika, garam memainkan peranan penting dalam ekonomi dunia purba. Sejarah ini mengajar kita bahawa nilai sesuatu bukan bergantung kepada bentuknya, tetapi kepada keperluan dan konteks sosial pada masa itu.



Rujukan

Headrick, D. R. (2009). Technology: A World History. Oxford University Press.

Kurlansky, M. (2002). Salt: A World History. Penguin Books.

McKillop, H. (2021). Salt as a commodity or money in the Classic Maya economy. *Journal of Anthropological Archaeology*, *62*, 101277. https://doi.org/10.1016/j.jaa.2021.101277.

Parsons, J. R. (1994). Late Postclassic Salt Production and Consumption in the Basin of Mexico. In Economies and Polities in the Aztec Realm, edited by M.G. Hodge and M.E. Smith, pp. 257-290. Studies on Culture and Society, Vol. 6. Institute for Mesoamerican Studies, State University of New York, Albany.

Stefano Rome Tours (2024) All Roads Lead to Rome: Most Famous Ancient Roman Empire Roads. Boleh didapati di: https://www.stefanorometours.com/blog/docs/all-roads-lead-to-rome-most-famous-ancient-roman-empire-roads/ (Dicapai pada: 14 Mac 2026)